

(4 April 2020) Sinar, P.4

Elak perhimpunan ramai selepas PKP

Perhimpunan ramai tidak digalakkan dalam tempoh enam bulan hingga setahun

PUTRAJAYA

Perhimpunan ramai seperti bazar Ramadan perlu dielakkan walaupun tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, walaupun tempoh PKP telah berakhir, norma dan amalan kehidupan rakyat Malaysia perlu berubah dan perhimpunan ramai tidak digalakkan dalam tempoh enam bulan hingga setahun.

“Walaupun selepas PKP berakhir dalam tempoh dua minggu lagi, tetapi amalan kita (kena) berubah, ia bukan norma lagi.

“Contohnya tidak bersalam, membasuh tangan dan ada penja-

rakan sosial sekurang-kurangnya satu meter. Perhimpunan ramai, contohnya, (dalam tempoh) enam bulan hingga setahun kita akan lihat tak digalakkan langsung,” katanya pada sidang media mengenai perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Justeru, katanya, perlu ada idea yang kreatif dan inovatif bagaimana makanan bazar Ramadan boleh dihantar ke rumah.

Beliau berkata, pelaksanaan E-Bazar Ramadan adalah idea yang baik memandangkan peningkatan sebanyak 70 peratus perkhidmatan penghantaran makanan ke rumah pada PKP fasa pertama lalu.

Kementerian Kesihatan Malaysia, katanya, akan melihat bagaimana ia boleh dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh kementerian itu.

Terdahulu, Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Ismail Sabri Yaakob berkata, semua bazar Ramadan tidak dibenarkan beroperasi selagi PKP dilaksanakan.

Hingga semalam, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Selan-



Dr Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan Covid-19 di Putrajaya semalam.

gor, Kedah dan Pulau Pinang telah membuat keputusan untuk membatalkan bazar Ramadan di negeri tersebut.

Malaysia menguatkuaskan PKP mulai 18 hingga 31 Mac lepas berikutan penularan Covid-19.

Ia kemudian dilanjutkan dari 1 hingga 14 April ini. - Bernama

Angka petugas kesihatan dijangkiti Covid-19 meningkat

PUTRAJAYA - Angka petugas kesihatan yang dijangkiti wabak Covid-19 terus melonjak kepada 138 kes berbanding 80 kes sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti lapan punca jangkitan tersebut antaranya 58 kes berkaitan majlis perkawinan yang dihadiri oleh individu yang hadir pada perhimpunan jemaah tabligh Sri Petaling.

“Sebanyak 14 kes berkaitan dengan pesakit *severe acute respiratory infection* (SARI) dan kes bergejala ringan yang mana mereka tidak tahu atau tidak memaklumkan statusnya.

“Dua kes daripada kumpulan ini tidak memaklumkan bahawa mereka telah menghadiri perhimpunan di Sri Petaling,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, sembilan kes berpunca daripada kontak dengan ahli keluarga yang positif Covid-19 manakala enam kes mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara.

Beliau berkata, empat kes mendapat jangkitan daripada rakan yang positif manakala tiga lagi dijangkiti daripada pendedahan semasa aktiviti saringan di lapangan.

Katanya, dua kes melibatkan petugas kesihatan yang hadir pada perhimpunan di Sri Petaling manakala punca jangkitan baki 42 kes lagi masih dalam siasatan.

“Tiada kes yang berpunca daripada pengendalian kes disahkan positif dari wad atau Unit Rawatan Rapi (ICU).


“Semua anggota kesihatan dan barisan hadapan termasuk pengamal perubatan swasta dan yang merawat pesakit perlu menggunakan penutup hidung dan mulut,” katanya.

Menurutnya, orang ramai juga dinasihati agar jujur ketika mendapatkan rawatan.

“Jelaskan secara jujur mengenai sejarah kontak rapat kes positif Covid-19, kehadiran ke mana-mana perhimpunan dan sejarah perjalanan ke luar negara,” katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 3 April 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 3,116 kes kepada 3,333 kes

